



ANGGOTA Palapes yang menyertai kem latihan berkesempatan merakamkan gambar kenangan bersama tetamu jemputan.

# Pengukur dan prasyarat pentauliahahan

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

► Palapes digesa timba ilmu ketenteraan secara berterusan

**KOTA KINABALU:** Anggota Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) digesa untuk terus mendalami dan menimba ilmu dalam bidang ketenteraan.

Timbalan Komandan Palapes Universiti Malaysia Sabah (UMS) Leftenan Kol Datuk Abdullah Mohd Said berkata, ilmu berkenaan boleh digunakan dalam apa jua bidang yang diceburi oleh anggota Palapes kelak.

Beliau berkata, ilmu ketenteraan yang diperolehi semasakemlatihansepatutnya tidak berhenti setakat di situ sahaja.

Ini kerana katanya, menjadi tanggungjawab bagi setiap anggota Palapes untuk meneruskan ilmu yang dipelajari itu.

“Bagaimanapun, para



**SEBAHAGIAN** pegawai dan jurulatih Palapes yang terlibat sepanjang kem latihan itu dijalankan.

anggota Palapes tidak boleh sama sekali mengabaikan tugas utama sebagai pelajar.

“Kem latihan ini menjadi pengukur dan pra-syarat kepada pegawai kadet senior

untuk layak ditauliahkan sebagai Pegawai Muda dalam Tentera Darat tahun ini,”



jelasnya. Beliau berkata demikian ketika berucap sempena majlis Penutupan Kem Latihan 2015 di Lapang Sasar Kota Belud kelmarin.

Abdullah berkata, anggota Palapes peringkat intermediate dan junior perlu memiliki kekuatan mental dan fizikal sepanjang menjalani latihan dalam Palapes.

“Pastikan tiada istilah ‘keluar baris’ dalam diri masing-masing dan tetap meneruskan perjuangan sehingga berjaya ditauliahkan sebagai Pegawai Muda,” katanya.

**ABDULLAH** (tengah) memeriksa salah satu senjata yang digunakan dalam kem latihan berkenaan.